

40 anggota terlibat dalam operasi menyelamat

JOHOR BAHRU - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melaksanakan operasi mencari dan menyelamat bot pancung karam di perairan Batu Layar, Kota Tinggi.

Timbalan Pengarah (Operasi) APMM Wilayah Maritim Selatan, Kapten Maritim Saiful Lizan Ibrahim berkata, Pusat Penyelarasan Penyelamat Maritim Malaysia (MRSC) Johor Bahru menerima panggilan dari Balai Polis Sungai Rengit sekitar jam 10 malam semalam.

Menurutnya, panggilan itu memaklumkan dan mengesahkan sebuah bot pancung terbalik di perairan pantai Batu Layar yang dipercayai membawa pendatang asing tanpa izin (Pati) keluar dari Malaysia ke negara jiran.

"Sejurus menerima maklumat, Maritim telah mengaktifkan operasi mencari dan menyelamat serta menggerakkan aset bot dari Maritim Tanjung Sedili ke lokasi kejadian.

"Sehingga tengah malam semalam, jumlah mangsa yang berjaya ditemui hidup adalah seramai 34 orang iaitu 26 lelaki

dan lapan perempuan.

"Manakala sembilan mangsa iaitu dua lelaki dewasa, enam wanita dewasa dan satu bayi perempuan ditemui meninggal dunia," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, kesemua mangsa yang ditemui selamat diserahkan kepada pihak Jabatan Imigresen Negeri Johor, manakala mangsa yang meninggal dunia diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

"Kesemua mangsa dipercayai warga Indonesia. Operasi mencari dan menyelamat masih diteruskan pada hari ini, bagi mencari mangsa yang masih hilang," katanya.

Beliau berkata, operasi berkenaan turut melibatkan Pasukan Polis Marin (PPM), Anggota Tentera Malaysia (ATM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Saiful Lizan berkata, operasi melibatkan 40 anggota itu bagaimanapun ditamatkan semalam sekitar jam 5 petang.



Anggota Maritim ketika melakukan operasi menyelamat mangsa bot pancung yang karam di Pantai Batu Layar, Tanjung Sedili.